


BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Jawab semua soalan

1. Apakah ciri-ciri sumber sekunder?
A Bahan yang telah diolah
C Belum ditafsir
B Bersifat asli
D Bahan yang belum diteroka
2. Bagaimanakah keadaan bumi apabila paras air laut dunia meningkat?
A Pembentukan tasik dan pulau
C Perubahan aras daratan
B Peningkatan suhu muka bumi
D Pergerakan arus lautan
3. Manusia zaman Prasejarah telah mempunyai kemahiran mencipta tembikar. Mengapakah mereka mencipta tembikar?
A Memungut hasil hutan
C Menjadi bekas makanan
B Menjual secara komersial
D Menyimpan alatan pertanian



4. Peta di atas menunjukkan lokasi tamadun awal manusia di dunia. Apakah ciri utama tamadun tersebut?
A Terletak di tiga benua
B Terletak di lembah sungai
C Terletak berhampiran dengan teluk
D Terletak berhampiran dengan Lautan Hindi dan Lautan Pasifik
5. Mengapakah Sparta mempunyai dua orang raja?
A Memudahkan perluasan kuasa
C Memilih pemimpin berwibawa
B Mengukuhkan hubungan luar
D Mengelak pentadbiran kejam
6. Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja Kerajaan Srivijaya?
A Maharaja
C Kurung Bnam
B Dewaraja
D Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau
7. Mengapakah kerajaan Srivijaya menghantar utusan ke Negara China pada abad ketujuh?
A Melakukan penjajahan
C Meluaskan perdagangan
B Mendapat pengiktirafan
D Menjalankan perkahwinan
8. Antara berikut yang manakah merupakan tugas syahbandar di Melaka?
A Memungut hasil atau ufti.
C Penasihat Raja.
B Ketua polis dan penjara.
D Menguruskan pasar dan gudang.

9. Mengapakah pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau sering berpindah?
- | | | | |
|---|-----------------------|---|------------------------------|
| A | Kurang sumber makanan | B | Muslihat mempertahankan diri |
| C | Ancaman kuasa Belanda | D | Kedudukan tidak strategik |
10. Apakah jawatan pembesar yang berkuasa melantik Yamtuan Besar di Negeri Sembilan?
- | | | | |
|---|--------|---|---------|
| A | Perut | B | Buapak |
| C | Undang | D | Lembaga |
- Pembukaan Terusan Suez
 - Penggunaan telegraf
 - Penggunaan kapal wap
11. Perkembangan teknologi berikut berlaku pada abad ke-19. Apakah kesan perkembangan teknologi tersebut terhadap Negara kita?
- | | | | |
|---|--------------------------------|---|----------------------------------|
| A | Perkembangan pengangkutan laut | B | Peningkatan taraf hidup penduduk |
| C | Perluasan imperialisme Barat | D | Pertambahan imigran Eropah |
12. Mengapakah British menggabungkan Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka menjadi Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826?
- | | | | |
|-----|------------------------|----|-----------------------------|
| I | Menyeragam pentadbiran | II | Menjimatkan perbelanjaan |
| III | Memonopoli perdagangan | IV | Menghalang kuasa asing lain |
| A | I dan II | B | II dan III |
| C | III dan IV | D | I dan IV |
13. Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Perak?
- Ngah Ibrahim membawa masuk pelombong Cina
 - Pergaduhan pelombong Cina antara kumpulan Ghee Hin dan Hai San
- | | |
|---|-------------------------------------|
| A | Perang Larut tercetus |
| B | Pertelingkahan antara pembesar |
| C | Pemberontakan pembesar Melayu |
| D | Kemerosotan pengeluaran bijih timah |
14. Perjanjian Bangkok 1909 ditandatangani oleh British dan Siam pada 10 Mac 1909. Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu?
- | | | | |
|---|------------------------------------|---|--------------------------------|
| A | Menerima seorang Penasihat British | B | Menyelesaikan masalah sempadan |
| C | Menghantar ufti kepada British | D | Memperakui ketuanan British |
15. Mengapakah Sultan Brunei menghantar Pengiran Raja Muda Hashim ke Sarawak?
- | | |
|---|--|
| A | Mengawal kegiatan lanun |
| B | Melindungi pedagang asing |
| C | Mencari kawasan pertanian |
| D | Menamatkan kebangkitan penduduk tempatan |
16. Apakah kelebihan sistem ibedem yang diperkenalkan oleh H.N. Ridley?
- | | | | |
|---|--------------------------------|---|-------------------------------|
| A | Menjimatkan masa torehan | B | Meningkatkan mutu susu getah |
| C | Memanjangkan hayat pokok getah | D | Mengurangkan penggunaan buruh |
17. Penghulu Dol Said telah melakukan penentangan terhadap British di Naning antara tahun 1831 hingga tahun 1833. Mengapakah beliau menentang British?
- | | | | |
|---|--------------------------------|---|----------------------------|
| A | Pembinaan balai polis | B | Pencabulan adat tradisi |
| C | Pembayaran cukai hasil tahunan | D | Pengenalan peraturan tanah |

18. Siapakah Gabenor pertama Syarikat Borneo Utara British di Sabah?

- | | | | |
|---|-----------------------------|---|-----------------------|
| A | Baron Gustavus von Overbeck | B | William Hood Treacher |
| C | Charles Lee Moses | D | James Brooke |

19. Mengapakah British memperkenalkan tanaman yang berikut menjelang abad ke-20?

- Getah
- Kelapa sawit

- | | | | |
|---|-------------------------------|---|-------------------------------|
| A | Peningkatan modal tempatan | B | Harga tinggi di pasaran dunia |
| C | Kemerosotan harga bijih timah | D | Kemasukan tenaga buruh murah |

20. Mengapakah British menggunakan nama Sultan Kelantan untuk mematahkan kebangkitan Tok Janggut pada tahun 1915?

- | | | | |
|---|--------------------------|---|--------------------------------|
| A | Menghormati sultan | B | Kuasa mutlak sultan |
| C | Mengekalkan kuasa sultan | D | Kesetiaan rakyat kepada sultan |